

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk ini menyediakan maklumat penting berkenaan pelan insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca Risalah Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia membantu mereka; **anda hendaklah membacanya juga.**

Date: 04/12/2025

1 Apakah Great Tenang Madani?

Great Tenang Madani menawarkan perlindungan insurans berkelompok selama 1 tahun dan akan dibaharui secara automatik setiap tahun tertakluk pada pembayaran premium, sehingga umur 59 tahun hari jadi berikut. Ia membayar manfaat kematian dalam jumlah sekali gus jika anda meninggal dunia atau mengalami hilang upaya total dan kekal semasa tempoh polisi/sijil.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, bagi **RM2,700** setahun, anda akan menerima **perlindungan/manfaat** insurans hayat berikut. Sila rujuk Lampiran bagi maklumat lanjut berkenaan perlindungan/manfaat sebenar di bawah pelan ini.

a) Manfaat Kematian	RM500,000
b) Manfaat Hilang Upaya Total dan Kekal ("TPD")	RM500,000
c) Perlindungan/Manfaat Tambahan	i) Kemalangan Peribadi ii) Kejadian yang Dilindungi iii) Perbelanjaan Pengebumian iv) Manfaat Kemasukan Hospital

Insurans hayat anda **tidak termasuk**:

- Bunuh diri – jika kematian berlaku akibat bunuh diri dalam tahun polisi pertama.
- TPD atau Kejadian yang Dilindungi akibat perkara berikut:
 - Sedia wujud sebelum membeli pelan.
 - Kecederaan yang dilakukan sendiri.
- Kemalangan Peribadi atau Manfaat Kemasukan Hospital disebabkan perkara berikut:
 - Bunuh diri.
 - Peperangan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda mesti merujuk pada polisi insurans bagi senarai penuh pengecualian.

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans anda. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkenaan insurans hayat anda, anda boleh berbincang dengan pengantara atau:



Hubungi kami:
1300-1300 88



Layari kami:
greateasternlife.com



E-mel kami:
wecare-my@greateasternlife.com

3 Ketahui Kewajipan Anda

Bagi insurans hayat ini, anda mestilah membayar premium sebanyak:

Premium	Sila rujuk Lampiran. Premium adalah tidak dijamin.
---------	--

Tempoh: 1 tahun. Insurans hayat akan dibaharui secara automatik setiap tahun tertakluk pada pembayaran premium.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Komisen	Sila rujuk Lampiran.
---------	----------------------

4 Syarat Utama Lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau perlindungan ditamatkan.
- Anda mempunyai tempoh tenggang selama 30 hari dari setiap tarikh premium berikut perlu dibayar untuk membayar premium berikutnya. Jika anda tidak membayar premium semasa tempoh tenggang selama 30 hari, perlindungan anda akan ditamatkan.
- Sila layari greateasternlife.com/my bagi maklumat lanjut berkenaan prosedur tuntutan Syarikat.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk pada polisi insurans bagi senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi/sijil asurans anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh memerhati bebas:**
Pemegang polisi/hayat yang diasuranskan boleh membatalkan polisi/sijil asurans dengan memulangkan polisi/sijil asurans dalam tempoh 15 hari selepas polisi/sijil asurans dihantar kepada anda. Premium yang anda telah bayar akan dibayar balik kepada anda.
- **Selepas tempoh memerhati bebas:** Anda boleh membatalkan polisi/sijil asurans pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Semasa pembatalan, premium yang anda telah bayar tidak akan dibayar balik dan anda akan terus dilindungi bagi baki tempoh perlindungan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Untuk maklumat berkenaan pemprosesan data peribadi dan hak anda terhadap data peribadi anda, sila rujuk Notis Perlindungan Data Peribadi yang dipaparkan di greateasternlife.com, atau dapatkan salinan daripada Pegawai Perkhidmatan Pelanggan kami.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Lampiran: Great Tenang Madani

1. Manfaat Pelan

a) Manfaat Kematian

Jumlah asurans akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus.

b) Manfaat Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD)

Syarikat akan mendahulukan jumlah asurans seperti berikut:

- jumlah asurans tidak melebihi RM5,000,000 akan dibayar dalam tiga (3) kali ansuran tahunan dengan bayaran pertama bagi jumlah asurans dibayar dalam satu jumlah sekali gus atau RM1,000,000, mana yang lebih rendah, dan
- baki jumlah asurans akan dibayar dalam dua kali ansuran tahunan yang sama nilai, dengan syarat TPD berlaku sebelum ulang tahun sijil, apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 60 tahun hari jadi berikut.

c) Manfaat Kemalangan Peribadi

Manfaat Kemalangan Peribadi	% jumlah asurans
1) Kematian akibat Kemalangan	100%
2) Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan	
• Kehilangan kedua-dua tangan	100%
• Kehilangan kedua-dua kaki	100%
• Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%
• Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100%
• Kecederaan yang mengakibatkan terlantar di atas katil secara kekal	100%
• Sebarang kecederaan lain yang mengakibatkan hilang upaya total dan kekal	100%
• Lumpuh keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%
• Kehilangan lengan daripada bahu	100%
• Kehilangan lengan di antara bahu dan siku	100%
• Kehilangan lengan pada siku	100%
• Kehilangan lengan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
• Kehilangan tangan pada pergelangan tangan	100%
• Kehilangan kaki pada pinggul	100%
• Kehilangan kaki di antara lutut dan pinggul	100%
• Kehilangan kaki di bawah lutut	100%
• Kehilangan mata – keseluruhan	100%
• Kehilangan mata – penglihatan	100%
• Kehilangan penglihatan sebelah mata secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan kecuali cerapan cahaya	50%
• Kehilangan kanta mata	50%
• Kehilangan empat jari dan ibu jari tangan pada sebelah tangan	50%
• Kehilangan empat jari tangan	40%
• Kehilangan ibu jari	- dua falanks - satu falanks 25% 10%
• Kehilangan jari telunjuk	- tiga falanks - dua falanks - satu falanks 10% 8% 4%
• Kehilangan jari tengah	- tiga falanks - dua falanks - satu falanks 6% 4% 2%
• Kehilangan jari manis	- tiga falanks - dua falanks - satu falanks 5% 4% 2%
• Kehilangan jari kelengkeng	- tiga falanks - dua falanks - satu falanks 4% 3% 2%
• Kehilangan metakarpus	- pertama atau kedua (tambahan) - ketiga, keempat atau kelima (tambahan) 3% 2%

- Kehilangan jari kaki - semua 15% - dua ibu falanks 5% - satu ibu falanks 2% - selain daripada ibu jari kaki, jika kehilangan lebih daripada satu jari kaki setiap satu 1%	
- Kehilangan pendengaran - kedua-dua telinga 75% - sebelah telinga 15%	
Kehilangan pertuturan keseluruhan 50%	

d) Manfaat Kejadian yang Dilindungi

- Jumlah asurans akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari).
- 10% daripada jumlah asurans akan dibayar untuk Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, tertakluk pada had maksimum RM25,000 bagi setiap hayat, dan jumlah asurans akan dikurangkan sewajarnya.
- Tuntutan bagi kejadian yang dilindungi lain akan dibenarkan, tertakluk pada baki amaun jumlah asurans.
- Tempoh menunggu berkenaan bagi kejadian yang dilindungi dari tarikh permulaan risiko, seperti ilustrasi dalam jadual di bawah.

Kejadian yang dilindungi	Tempoh menunggu
1. Serangan Jantung – <i>keterukan tertentu</i> 2. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 3. Kanser – <i>keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</i> 4. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari 5. Jangkitan Arteri Koronari Serius	60 hari
Semua kejadian yang dilindungi yang lain	30 hari

Senarai kejadian yang dilindungi seperti berikut:

Senarai Kejadian yang Dilindungi	
1. Serangan Jantung – <i>keterukan tertentu</i> 2. Strok – <i>mengakibatkan Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal berterusan</i> 3. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 4. Kanser – <i>keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</i> 5. Kegagalan Buah Pinggang – <i>memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang</i> 6. Hepatitis Virus Fulminan 7. Pemindahan Organ Utama / Sumsum Tulang 8. Kelumpuhan Anggota 9. Sklerosis Berbilang 10. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – <i>keterukan tertentu</i> 11. Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih 12. Pembedahan Injap Jantung 13. Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih 14. Pembedahan Aorta 15. Hilang Keupayaan Bertutur 16. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk 17. Melecur Tahap Ketiga – <i>keterukan tertentu</i> 18. Koma – <i>mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal berterusan</i> 19. Kardiomiopati – <i>keterukan tertentu</i> 20. Penyakit Neuron Motor – <i>Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal berterusan</i> 21. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah 22. Penyakit Parkinson – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i> 23. Kegagalan Hati Tahap Akhir 24. Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir	25. Trauma Kepala Teruk - <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i> 26. Anemia Aplastik Kronik – <i>mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang</i> 27. Distrofi Otot 28. Tumor Otak Benigna - <i>keterukan tertentu</i> 29. Ensefalitis - <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i> 30. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari* 31. Pembedahan Otak 32. Meningitis Bakteria - <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i> 33. Jangkitan Arteri Koronari Serius 34. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari) 35. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk 36. AIDS Dengan Gejala Penuh 37. Penyakit Sistik Medular 38. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan 39. Penyakit Terminal 40. Sindrom Apallie (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan) 41. Poliomielitis 42. Skleroderma Progresif 43. Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik 44. Elefantiasis (Penyakit Untut) 45. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)

e) **Perbelanjaan Pengebumian**

RM5,000 akan dibayar sebagai tambahan pada manfaat kematian.

f) **Manfaat Kemasukan Hospital**

- Amaun harian akan dibayar bagi setiap hari kemasukan hospital, maksimum 500 hari bagi seumur hidup di bawah pelan ini.
- Tempoh menunggu selama 30 hari akan dikenakan.

g) **Jadual Manfaat**

Jumlah Asurans (RM)	Manfaat (RM)				
	Kematian atau TPD	Kemalangan Peribadi (Jumlah Asurans tambahan)	Kejadian yang Dilindungi	Perbelanjaan Pengebumian	Manfaat Kemasukan Hospital (amaun manfaat sehari)
20,000	20,000	20,000	20,000	5,000	20
30,000	30,000	30,000	30,000	5,000	30

Nota:

Perlindungan anda akan ditamatkan apabila Kematian atau TPD atau salah satu daripada 45 Kejadian yang Dilindungi berlaku (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari), mana yang berlaku dahulu.

2. Pengecualian

a) **Manfaat Kematian**

Tiada manfaat kematian akan dibayar dalam hal bunuh diri dalam tempoh satu tahun daripada tarikh permulaan risiko sijil asurans.

b) **Manfaat Hilang Upaya Total dan Kekal**

Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang Manfaat TPD jika TPD:

- sedia wujud sebelum atau pada tarikh permulaan risiko sijil asurans.
- akibat hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
- disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung (kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia), ketika waras atau tidak waras.
- disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.
- disebabkan hayat yang diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan mempunyai lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.
- disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan.

c) **Kemalangan Peribadi**

Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kecederaan yang mengakibatkan kehilangan, disebabkan serta termasuk akibat daripada mana-mana perkara berikut sama ada secara langsung atau tidak langsung:

- bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
- penyakit badan atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit, atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak disebabkan dan akibat daripada belahan atau luka kemalangan.
- peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan.
- daripada tindakan sebarang angkatan bersenjata, atau daripada kemalangan atau keganasan yang berlaku kerana kewujudan keadaan konflik bersenjata.
- penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.
- disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh hayat yang diasuranskan atau mengelak daripada ditangkap.
- disebabkan hayat yang diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh

tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.

- di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan pakar perubatan. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang dianggap berada di bawah pengaruh alkohol jika hasil ujian pernafasan, darah atau air kencing melebihi had berikut:
 - (a) 22 mcg alkohol bagi setiap 100ml pernafasan,
 - (b) 50 mg alkohol bagi setiap 100ml darah,
 - (c) 67 mg alkohol bagi setiap 100ml air kencing.
- kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad pada terjun lelabah, payung terjun, selam skuba, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "sukan profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila hayat yang diasuranskan akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut.
- daripada kelahiran anak, kehamilan dan/atau sebarang komplikasi daripadanya.
- radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear; atau
- daripada penglibatan hayat yang diasuranskan dalam komando atau tugas/latihan pemusnahan bom.

d) Manfaat Kejadian yang Dilindungi

Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang Kejadian yang Dilindungi yang telah didiagnosis ke atas hayat yang diasuranskan yang:

- sedia wujud sebelum atau pada tarikh permulaan risiko sijil asurans.
- disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung (kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia), ketika waras atau tidak waras.
- akibat hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
- disebabkan hayat yang diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan mempunyai lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.
- disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan.

e) Manfaat Kemasukan Hospital

Syarikat tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah manfaat ini, disebabkan mana-mana perkara berikut sama ada secara langsung atau tidak langsung:

- bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
- penyakit badan atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit, atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak disebabkan dan akibat daripada belahan atau luka kemalangan.
- peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan.
- daripada penglibatan hayat yang diasuranskan dalam komando atau tugas/latihan pemusnahan bom.
- penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.
- disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh hayat yang diasuranskan atau mengelak daripada ditangkap.
- disebabkan hayat yang diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.
- di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan pakar perubatan. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang dianggap berada di bawah pengaruh alkohol jika hasil ujian pernafasan, darah atau air kencing melebihi had berikut:
 - (d) 22 mcg alkohol bagi setiap 100ml pernafasan,
 - (e) 50 mg alkohol bagi setiap 100ml darah,
 - (f) 67 mg alkohol bagi setiap 100ml air kencing.
- penyakit atau kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad pada terjun lelabah, payung terjun, selam skuba, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram. Bagi



mengelakkan keraguan, "sukan profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila hayat yang diasuranskan akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut.

- ketagihan alkohol, kemurungan, dadah haram, kemabukan, penyakit kelamin dan sekuelanya, kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran kandungan dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, ketidakfungsian erektile dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan.
- sakit sedia ada.
- sakit jiwa, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
- sebarang rawatan atau ujian berkaitan AIDS atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia dan semua penyakit berjangkit akibat hubungan seks.
- kemasukan hospital terutamanya untuk tujuan pemeriksaan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan seorang Pakar Perubatan, dan rawatan khususnya untuk mengurangkan atau menambah berat badan.
- radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi induk bagi senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

3. Premium

Jumlah Asurans: RM20,000

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	Premium Bulanan (RM)	Komisen Pengantara		Premium Tahunan (RM)	Komisen Pengantara	
		Kadar (%)	Amaun Bulanan (RM)		Kadar (%)	Amaun Tahunan (RM)
18 - 29	6.50	25	1.63	78.00	25	19.50
30 - 39	9.00	25	2.25	108.00	25	27.00
40 - 49	19.50	25	4.88	234.00	25	58.50
50 - 59	43.50	25	10.88	522.00	25	130.50

Jumlah Asurans: RM30,000

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	Premium Bulanan (RM)	Komisen Pengantara		Premium Tahunan (RM)	Komisen Pengantara	
		Kadar (%)	Amaun Bulanan (RM)		Kadar (%)	Amaun Tahunan (RM)
18 - 29	9.50	25	2.38	114.00	25	28.50
30 - 39	13.50	25	3.38	162.00	25	40.50
40 - 49	29.00	25	7.25	348.00	25	87.00
50 - 59	65.00	25	16.25	780.00	25	195.00

Premium akan dikenakan berdasarkan umur hari jadi berikut yang dicapai hayat yang diasuranskan semasa pembaharuan. Kadar premium tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Sebarang peningkatan premium, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun sijil dan Syarikat akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum semakan semula dilakukan.

4. Pertanyaan

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila rujuk pemegang polisi anda atau pengantara perkhidmatan rasmi anda atau hubungi kami di:

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD 198201013982 (93745-A)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Menara Great Eastern
303, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan : (603) 4259 8333
Portal Pelanggan : econnect-my.greateasternlife.com
E-mel : gmbadmin@greateasternlife.com
Laman Sesawang : www.greateasternlife.com/my

ATAU hubungi pengantara perkhidmatan di:

TNG DIGITAL SDN BHD

Head Office : Level 5, Tower 6, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.
Tel : (603) 5022 3888
E-mail : insurance@tngdigital.com.my
Website : touchngo.com.my/ewallet

Produk ini merupakan suatu pelan insurans hayat ditaja jamin oleh Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad dan TNG Digital Sdn Bhd ialah pengedar produk ini.

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA DAN PREMIUM YANG DIBAYAR DI BAWAH PERLINDUNGAN ADALAH JUMLAH YANG ANDA MAMPU BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS SERTA TERUS BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

